

Malaysia perlu imbangi tarif sepihak AS, model 'China+1'



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi, Wang dan
Bank, Universiti
Utara Malaysia
(UUM)

Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global (GVC) tidak lagi ditentukan semata-mata oleh daya saing ekonomi dan kecukupan pengeluaran, tetapi turut dibentuk persaingan geopolitik antara kuasa besar dunia, terutama Amerika Syarikat (AS) dan China.

Berdasarkan analisis Jadual Input-Output Serantau Berbilang (MRIO) ADB 2024, Malaysia mencatatkan jumlah eksport kasar sekitar AS\$211.4 bilion (RM972.1 bilion), dengan 68.4 peratus nilai ditambah domestik (DVA) dan 30.5 peratus nilai ditambah asing (FVA).

Indeks Penyertaan GVC Malaysia bernilai 0.561, manakala Indeks Kedudukan bernilai negatif 0.039, iaitu sedikit condong ke arah aktiviti hiliran seperti pemasangan dan pemrosesan. Angka ini bukan sekadar statistik statik - ia amat terdedah kepada gelombang gangguan dasar tarif dan pergeseran pelaburan sepanjang 2025 dan 2026.

Pada April 2025, AS mengumumkan tarif timbal balas meluas ke atas hampir semua rakan dagangannya, dengan Malaysia dikenakan kadar awal 24 peratus, berbanding Vietnam pada 46 peratus; Thailand (36 peratus) dan Indonesia (32 peratus).

Ini mencipta ketidaktentuan besar bagi pelabur dan pengeksport yang sudah berpindah ke Asia Tenggara di bawah strategi kepelbagaian rantaian bekalan. Selepas rundingan pelbagai pihak, kadar tarif Malaysia kemudiannya dikurangkan dengan ketara, turun daripada 24 peratus kepada 10 peratus berikutan keputusan Mahkamah Agung AS pada 20 Februari lalu di bawah Seksyen 122, iaitu penurunan 14 mata peratusan yang mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab rantaian bekalan semikonduktor.

Sektor semikonduktor pula mendapat layanan istimewa. Data terkini menunjukkan kadar pengecualian tertinggi direkodkan semikonduktor pada 99.9 peratus, manakala produk elektronik dan elektronik (E&E) secara umum hanya 67.1 peratus dan eksport bukan E&E sekitar 45.4 peratus.

Walaupun ini kelihatan berita baik, pengecualian ini tidak kekal dijamin. Bekas Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, mengingatkan pengecualian semikonduktor Malaysia daripada tarif balasan tertakluk kepada semakan dan boleh berubah bila-bila masa bergantung kepada hala tuju dasar pentadbiran AS.

Risiko ini bukan teori semata-mata, cadangan tarif Seksyen 232 ke atas semikonduktor boleh mencecah 25 peratus atau lebih yang digabungkan dengan tarif Akta Kuasa Ekonomi Kecemasan Antarabangsa (IEEPA) sedia ada berpotensi mencetuskan keputusan penstrukturan semula rantaian bekalan oleh syarikat cip AS.

Ketergantungan Malaysia kepada pasaran AS amat ketara dalam sektor ini. Antara 2023 hingga 2025, eksport Malaysia ke negara itu merangkumi kira-kira 13.1 peratus daripada jumlah eksport negara, dengan produk E&E menyumbang 34.0 peratus daripada eksport Malaysia ke AS - jauh lebih tinggi berbanding 14.3 peratus produk E&E dalam eksport global Malaysia secara keseluruhan.

Ini bermakna sebarang perubahan dasar tarif AS

terhadap semikonduktor akan memberi kesan tidak seimbang kepada sektor yang juga penyumbang eksport terbesar dan mempunyai kandungan nilai ditambah asing tertinggi dalam struktur GVC Malaysia.

Risiko pendedahan tarif tambahan baharu

Selain tekanan tarif AS, Malaysia turut mendapat manfaat daripada strategi kepelbagaian pengeluaran syarikat multinasional dikenali sebagai 'China+1', iaitu apabila syarikat mengekalkan operasi teras di China sambil membina kapasiti tambahan di negara lain bagi mengurangkan risiko pergantungan tunggal.

Data terkini menunjukkan permohonan pelaburan langsung asing (FDI) dari China diluluskan melonjak dan menambah jumlah portfolio FDI Malaysia dan Thailand setakat suku ketiga 2025, manakala China turut menjadikan negara Asia Tenggara termasuk Malaysia sebagai destinasi untuk memindahkan sebahagian rantaian bekalan bagi mengurangkan kesan ketegangan dagangan dengan AS, menjadikan Malaysia salah satu hab pertumbuhan pesat bagi pusat data yang menyokong sistem kecerdasan buatan (AI).

Namun, terdapat amaran penting perlu diberi perhatian oleh pembuat dasar. Kajian terkini mendedahkan model 'China+1' tidak semestinya mengurangkan pergantungan sebenar kepada China - ia hanya menambah satu peringkat pemrosesan dalam rantaian bekalan yang masih bermula di China.

Contohnya, Vietnam mengimport sekurang-kurangnya separuh bahan mentah pembuatannya daripada China, manakala Kemboja bergantung kepada China untuk kira-kira 60 peratus input pakailannya, dengan lebih dagangan China dengan ASEAN mencecah rekod AS\$276 bilion (RM1.1 trilion) pada 2025.

Ini bermakna aktiviti pemrosesan 'berpindah' ke Asia Tenggara termasuk Malaysia sebenarnya hanya menambah satu langkah tambahan dalam rantaian bekalan yang masih didominasi input Chi-

na, sambil turut membawa risiko pendedahan tarif tambahan baharu.

Bagi Malaysia, ini bermakna peningkatan pelaburan di bawah strategi 'China+1' berisiko memburukkan, bukan memperbaiki kedudukan GVC negara jika pelaburan berkenaan sekadar aktiviti pemasangan akhir menggunakan komponen import (dari China atau tempat lain) tanpa pembangunan keupayaan pembekal tempatan mencukupi.

Ini akan meningkatkan lagi nisbah FVA dan mendorong Indeks Kedudukan Malaysia lebih jauh ke arah hiliran, walaupun angka eksport kasar kelihatan berkembang. Sebaliknya, kedudukan Malaysia sebagai negara neutral dan sentiasa mengutamakan diplomasi dalam persaingan teknologi AS-China turut menjadi faktor tarikan kepada syarikat antarabangsa untuk memindahkan sebahagian operasi ke Malaysia.

Ia disokong persekitaran perniagaan kondusif dari segi logistik, kumpulan bakat, serta kestabilan undang-undang dan keamanan satu kelebihan strategik perlu dimanfaatkan dengan bijak, bukan sekadar diterima secara pasif.

Implikasi dasar lebih mendalam

Berdasarkan gambaran ini, beberapa implikasi dasar lebih mendalam wajar dipertimbangkan.

Pertama, kerajaan perlu mempercepat usaha menaik taraf rantaian nilai daripada sekadar aktiviti pemasangan, ujian, dan pembungkusan (ATP) semikonduktor kepada aktiviti hulu bernilai tinggi seperti reka bentuk cip dan penyelidikan bahan asas, bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko tarif Seksyen 232 yang boleh menasaskan khusus peringkat pemasangan.

Kedua, syarat kandungan tempatan dan insentif pelaburan perlu dipertingkatkan supaya aliran masuk FDI di bawah 'China+1' benar-benar menjadi pemindahan teknologi dan rantaian pembekal domestik, bukan sekadar menjadikan Malaysia sebagai 'lalu lintas transit' pemrosesan input asing.

Ketiga, pergantungan tinggi kepada satu pasaran eksport (AS) bagi sektor E&E menuntut kepelbagaian pasaran lebih agresif melalui perjanjian sedia ada, bagi mengurangkan kesan sebarang perubahan dasar tarif sepihak AS pada masa hadapan.

Keempat, kerajaan perlu membangunkan mekanisme pemantauan risiko geopolitik lebih responsif termasuk dialog berterusan dengan pentadbiran AS mengenai skop definisi 'semikonduktor' yang layak pengecualian memandangkan pengalaman menunjukkan dasar tarif boleh berubah dalam beberapa bulan sahaja.

Kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global hakikatnya merminas bukan sahaja kekuatan struktur ekonomi domestik, bahkan kedudukan geopolitik negara di persimpangan dua kuasa besar dunia.

Peluang daripada strategi 'China+1' dan status neutral Malaysia perlu dimanfaatkan secara strategik untuk membina keupayaan domestik lebih kukuh, bukan sekadar menampung lonjakan pelaburan jangka pendek yang berisiko memperdalam pergantungan kepada input dan pasaran asing.

Tanpa langkah dasar lebih mendalam, Malaysia berisiko kekal - atau lebih teruk, semakin terperangkap - dalam kedudukan hiliran rantaian nilai global walaupun jumlah eksport kasar terus meningkat.

“Risiko ini bukan teori semata-mata - cadangan tarif Seksyen 232 ke atas semikonduktor boleh mencecah 25 peratus atau lebih yang digabungkan dengan tarif Akta Kuasa Ekonomi Kecemasan Antarabangsa (IEEPA) sedia ada berpotensi mencetuskan keputusan penstrukturan semula rantaian bekalan oleh syarikat cip AS”